

# Topik 2 kata ganti nama diri singkat

Maksud:

Kata ganti nama diri yang telah disingkatkan.

⇒ Contoh ⇒

Kata Ganti Diri Pertama	Penerangan	Ayat Contoh
Kau	Asal daripada kata 'engkau'. Digunakan pada awal kata yang dirapatkan dengan kata yang menyertainya.	1. "Surat ini hendaklah <b>kaubaca</b> ," pinta Encik Hazim. 2. Lukisan yang <b>kaulukis</b> sangat cantik sekali.
Ku	Asal daripada kata 'aku'. Digunakan pada awal atau akhir kata yang ditulis rapat.	1. Kata Dina, "Lagu ini <b>kutujukan</b> untuk Shida yang berada di Johor." 2. "Aduh, sakitnya kakiku!" kata Dol.
Mu	Asal daripada kata 'kamu'. Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Hasratmu akan aku tunaikan. 2. "Adik <b>mu</b> pandai menyanyi," kata Zuraini kepada Syafiqah.
Nya	Asal daripada kata ganti nama diri ketiga (dia). Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Kakak <b>nya</b> menuntut di luar negara. 2. Setiap kesalahan akan menerima balasan daripada- <b>Nya</b> .

# Topik 2 kata ganti nama diri singkat

Maksud:

Kata ganti nama diri yang telah disingkatkan.

≡ Contoh ≡

Kata Ganti Diri Pertama	Penerangan	Ayat Contoh
Kau	Asal daripada kata 'engkau'. Digunakan pada awal kata yang dirapatkan dengan kata yang menyertainya.	1. "Surat ini hendaklah <b>kaubaca</b> ," pinta Encik Hazim. 2. Lukisan yang <b>kaulukis</b> sangat cantik sekali.
Ku	Asal daripada kata 'aku'. Digunakan pada awal atau akhir kata yang ditulis rapat.	1. Kata Dina, "Lagu ini <b>kutujukan</b> untuk Shida yang berada di Johor." 2. "Aduh, sakitnya kakiku!" kata Dol.
Mu	Asal daripada kata 'kamu'. Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Hasratmu akan aku tunaikan. 2. "Adik <b>mu</b> pandai menyanyi," kata Zuraini kepada Syafiqah.
Nya	Asal daripada kata ganti nama diri ketiga (dia). Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Kakak <b>nya</b> menuntut di luar negara. 2. Setiap kesalahan akan menerima balasan daripada- <b>Nya</b> .

Bentuk kesilapan

a. Tidak ditulis rapat kata ganti nama diri singkatan dengan kata yang menyertainya.

SALAH	BETUL
"Warna apa yang <b>kau</b> minati?" tanya Azim kepada Syafiq.	"Warna apa yang <b>kauminati</b> ?" tanya Azim kepada Syafiq.
"Kawan <b>ku</b> ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti.	"Kawank <b>u</b> ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti.

# Topik 2 kata ganti nama diri singkat

Bentuk kesilapan

b. Tidak boleh menggunakan kata singkatan sebagai subjek ayat.

b. TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN KATA SINGKATAN SEBAGAI SUBJEK AYAT.

SALAH	BETUL
" <b>Mu</b> berdua tidak bekerja hari ini?" tanya Enzik Azwan.	"Kamu berdua tidak bekerja hari ini?" tanya Enzik Azwan.
" <b>Kau</b> belum mandi lagi, Man?" tanya ibu kepada Rosman.	"Engkau belum mandi lagi, Man?" tanya ibu kepada Rosman.

c. Tidak menggunakan tanda sempang dan huruf besar bagi kata singkatan berkaitan dengan Tuhan.

SALAH	BETUL
Ya Allah, aku memohon keampunan <b>mu</b> .	Ya Allah, aku memohon keampunan- <b>Mu</b> .
Tuhan akan sentiasa mengampunkan dosa hambanya.	Tuhan akan sentiasa mengampunkan dosa hamba- <b>Nya</b> .